

05/07/2003

Kajian fungsi SAR siap minggu depan

Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Laporan lengkap kajian mengenai fungsi sekolah agama rakyat

(SAR) kini di peringkat penyusunan akhir dan dijangka siap sepenuhnya minggu depan.

Satu lagi kajian iaitu membabitkan isu pendidikan Islam pula dijangka siap akhir bulan ini dan kedua-dua kajian berkenaan akan diserahkan secara berasingan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan bagi mengkaji kedua-duanya,

Tan Sri Murad Mohamed Noor, berkata kajian mengenai fungsi SAR dijangka akan diserahkan kepada Perdana Menteri dalam masa terdekat.

"Saya akan mengatur temujanji dengan Datuk Seri Dr Mahathir sebaik laporan mengenai SAR itu siap disusun minggu depan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Jawatankuasa itu ditubuhkan kerajaan akhir tahun lalu bagi mengkaji fungsi SAR dan isu pendidikan Islam, di samping mengenal pasti usaha untuk

memperkuatkan kedudukan sekolah kebangsaan (SK).

Beliau berkata, terpulang kepada Perdana Menteri sama ada mahu mengumumkan hasil kajian itu atau tidak.

"Kita mengambil masa tiga bulan untuk menyiapkan laporan itu dengan mengambil kira pandangan semua pihak termasuk Kementerian Pendidikan dan parti pembangkang bagi memastikan laporannya mengandungi input semua pihak," katanya.

Murad berkata, laporan mengenai isu pendidikan Islam pula dijangka siap akhir bulan ini dan boleh diserahkan kepada Perdana Menteri pada bulan depan.

Beliau yang juga bekas Ketua Pengarah Pendidikan, berkata segala pandangan dan maklum balas yang diterima berhubung kedua-dua isu terbabit diteliti secara terperinci, termasuk kesan pelaksanaannya, bagi memastikan pengisian dari segi pengajaran dan pembelajaran di SAR dan pendidikan Islam memanfaatkan pelajar.

"Kita turut mengemukakan cadangan pelaksanaan dan anggaran kos diperlukan termasuk bagi menyediakan semua prasarana perlu," katanya.

Murad berkata, semua cadangan yang dikemukakan itu akan dibahaskan secara terperinci sebelum diambil kira dan diserahkan ke peringkat pelaksanaan.